



Ujian Saringan Yang Boleh Menyelamatkan Bayi Anda!!!

Panduan Iubapa mengenai Ujian Saringan Bayi

APAKAH PENYAKIT KEPINCANGAN METABOLIK?

Penyakit kepincangan metabolik atau lebih spesifik dikenali sebagai penyakit ralat metabolisma adalah penyakit yang diwarisi melalui gen. Akibat daripada kepincangan gen, proses pencernaan dalam metabolisma badan akan terjejas menyebabkan gangguan badan. Keadaan ini, jika tidak dirawat akan merencat perkembangan mental dan fisikal bayi. Dalam keadaan tertentu, penyakit kepincangan metabolik boleh mengancam nyawa bayi anda.

APAKAH UJIAN SARINGAN BAYI ?

Ujian saringan ini dilaksanakan untuk membantu doktor anda mengesan penyakit ralat metabolisma dalam peringkat awal yang mungkin. Dengan pengesanan awal serta disusuli dengan rawatan, kecacatan mental, ketidakupayaan fisikal dan kematian dapat dielakkan. Kini, terdapat banyak negara maju yang mewajibkan ujian saringan ini terhadap setiap bayi yang baru lahir. Amalan ini terbukti keberkesannya dengan terdapatnya penurunan kadar komplikasi akibat penyakit berkenaan. Kadar kejadian yang dilaporkan untuk penyakit ini (sebagai satu kumpulan) adalah 1: 3,500 kelahiran bayi yang hidup.

BAGAIMANAKAH UJIAN SARINGAN INI DILAKUKAN?

Ujian ini boleh dilakukan terhadap bayi anda pada 24 hingga 72 jam selepas dilahirkan dan setelah bayi anda mendapat penyusuan yang sempurna. Hanya beberapa titisan darah diperlukan untuk ujian ini. Darah akan diambil di bahagian tumit dan dititiskan di atas kertas khas yang disediakan. Sampel darah tersebut akan dihantar ke makmal untuk diuji dengan menggunakan peralatan yang canggih yang hanya boleh didapati di makmal-makmal tertentu. Kaedah yang digunakan akan menyaring sebanyak 25 jenis penyakit ralat metabolisma.

BILA DAN BAGAIMANA KEPUTUSAN UJIAN BOLEH DIPEROLEHI?

Keputusan ujian boleh diperolehi melalui doktor bayi anda 3 hari selepas sampel diterima oleh makmal. Jika terdapat keabnormalan dalam keputusan, doktor bayi anda akan di maklumkan dengan secepat mungkin. Dalam keadaan ini, doktor atau pakar pediatrik akan memaklumkan kepada anda untuk tindakan seterusnya dan lazimnya ujian lanjutan diperlukan untuk memastikan keputusan saringan pertama; lazimnya keputusan saringan yang abnormal hanya menunjukkan bahawa bayi anda mempunyai risiko tinggi untuk mengidap penyakit ralat metabolisma.

ADAKAH PENYAKIT-PENYAKIT INI BOLEH DIRAWAT?

Jawapannya adalah ya! Doktor akan merujuk bayi anda kepada pakar pediatrik yang akan seterusnya memberi nasihat tentang pengendalian dan rawatan untuk bayi anda.



Untuk sebarang pertanyaan

Sila hubungi:

Pengarah

Pusat Kawalan Doping

(Perkhidmatan Metabolik)

Universiti Sains Malaysia

11800, Pulau Pinang

Tel : 04-659 5605

Faks : 04-656 9869

E-mel : customersupport@dcc.usm.my

Laman Web : www.dccusm.com

